

**Sidang Editorial****PENAUNG**

Dr Haji Norarfani bin Haji Zainal  
Rektor UNISSA

**PENASIHAT**

Dr Haji Muhammed Hussain bin Pehin  
Penyurat Haji Ahmad  
Timbalan Rektor UNISSA

Dr Arman bin Haji Asmad  
Penolong Rektor UNISSA

**PENGERUSI**

Dr Azme bin Haji Matali

**TIMBALAN PENGERUSI**  
Kujaimah @ Hannan binti Haji Abdul  
Kahar

**KETUA EDITOR**

Dr Hajah Rasinah binti Haji Ahim

**AHLI-AHLI**


SitiHajarwati binti Haji Bolhassan  
Norsadiah binti Matarsad  
Sarina binti Haji Sawal  
Haji Mohd Khairul Rijal bin Begawan  
Mudim Haji Sapar  
Mohammad Zefri bin Haji Besar  
Majlis Perwakilan Pelajar UNISSA

**REKA BENTUK DAN SUSUNAN**  
Mohammad Zefri bin Haji Besar

**Kandungan**

Pengenalan	2
Unit Kolej Kediaman	4
Unit Keagamaan dan Takmir Surau	6
Unit Perkhidmatan Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya	10
Unit Kesejahteraan Pelajar dan Alumni	11
Unit Kegiatan Luar	12
Majlis Perwakilan Pelajar	27
DREaM	34
Album Sepanjang Mahrajan Hafli al-Takharruj	44

**ANSYITAH**  
**HEP@UNISSA.edu.bn**

**PENGENALAN**

Buku ini diterbitkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar yang memuatkan segala aktiviti HEP dan pelajar yang dikelolakan oleh bahagian ini.

Memandangkan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) pada lazimnya sehingga ke hari ini menanai tanggungjawab secara rutin dalam mengadakan dan menganjurkan pelbagai acara dan majlis keraian Negara dan keagamaan peringkat Universiti yang diadakan sepanjang tahun, maka Buku Edisi Pertama yang dinamakan **ANSYITAH HEP@UNISSA.edu.bn** ini amat signifikan dalam menonjolkan apa jua bentuk aktiviti yang telahpun dilaksanakan sepanjang penubuhan UNISSA. Selain itu, nama buku ini akan menjadi satu simbol atau *trademark* Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UNISSA bagi tatapan pelajar dan masyarakat bahawa buku ini adalah buku hasil nukilan dan usaha warga HEP dan Majlis Perwakilan Pelajar Persatuan Pelajar UNISSA (MPP) dalam memberi rakan aktiviti di bawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP).

Edisi pertama buku ini dilancarkan perasmianya oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji al-Muhtadee Billah Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Pro-Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali semasa perasmian Mahrajan Hafli al-Takharruj ke-4.

Buku Edisi Pertama sempena Perasmian Mahrajan Hafli al-Takharruj Ke-4, Universiti Islam Sultan Sharif Ali ini akan memuatkan beberapa aktiviti yang telah dikendalikan oleh beberapa buah unit Hal Ehwal Pelajar; Unit Keugamaan & Takmir Surau, Unit Perkhidmatan Kaunseling, Unit Kegiatan Luar, Unit Kolej Kediaman dan dibantu oleh seorang kakitangan sokongan. Pengisian aktiviti dalam buku ini sekitar tahun 2007 iaitu di awal penubuhan UNISSA sehingga tahun 2014.

Penulisan adalah berbentuk non-akademik atau dalam erti kata lain majalah HEP ini adalah untuk bahan bacaan santai sahaja. Design (reka bentuk) dalam buku ini juga tidak berbentuk formal atau lebih mirip kepada penghasilan sebuah *album* sahaja.

Akhirnya, adalah diharapkan dengan pelancaran Buku Edisi Pertama yang dihasilkan oleh warga HEP dan MPP sempena Perasmian Mahrajan Hafli al-Takharruj Ke-4, Universiti Islam Sultan Sharif Ali ini akan mencatat sejarah yang tidak mungkin dilupa dan menjadi sebuah buku ristaan aktiviti HEP, UNISSA kepada pelajar khususnya supaya lebih bergiat aktif dan menonjolkan diri dalam semua acara yang dikendalikan oleh Bahagian HEP dan masyarakat umumnya serta menjadi bahan rujukan yang mendokumentasi pelbagai kegiatan dengan tepat dan mudah dirujuk oleh pelbagai pihak.

## DEKAN-DEKAN PELAJAR

Tahun  
2007~2009



Pg Dr Haji Saiful Bahrin  
bin Pg Haji Kula

Tahun  
2010~2011



Dr Haji Norarfan  
bin Haji Zainal

Tahun  
2011



Kuaimah@Hannan  
binti Haji Abd Kahar

Tahun  
2012~2014



Dr Lilly Suzana  
binti Haji Shamsu

Tahun  
2014



Dr Azme bin Haji Matali

# UNIT KOLEJ KEDIAMAN

Sejak pengambilan pertama sesi pengajian 2007/2008, pelajar-pelajar UNISSA ditempatkan di Kolej Kediaman Universiti Brunei Darussalam (UBD). Walau bagaimanapun, bermula Jun 2009, UNISSA mempunyai kolej kediaman sendiri apabila berpindah ke bekas tapak kampus Maktab Jururawat yang terletak di Jalan Pasar Baru, Gadong. Kolej kediaman UNISSA mempunyai tiga blok kolej kediaman yang berasingan bagi mahasiswa dan mahasiswi.



## Aktiviti-aktiviti Unit Kolej Kediaman



### Taklimat Kolej Kediaman

Tujuan taklimat adalah untuk memberi makluman kepada pelajar baru mengenai peraturan-peraturan di Kolej Kediaman



### Sambutan Hari Raya Aidilfitri Di Kolej Kediaman

### Jom Riadah Kolej Kediaman UNISSA

Pada Julai 2012 Unit Kolej Kediaman bersama Exco Kolej Kediaman telah mengadakan aktiviti riadah di Tasek Lama. Aktiviti dimulakan dengan melakukan senaman ringan beramai-ramai dan diteruskan dengan jogaton.





### Aktiviti 'Challenge your mind'

Aktiviti ini telah diadakan pada bulan Februari 2013 di Taman Rekreasi Jalan Menteri Besar Berakas. Antara aktiviti yang dijalankan seperti kuiz, meneka barang dan mengarang pantun sambil melakukan aktiviti senaman.

### Kempen Kebersihan

Merupakan aktiviti tahunan Unit Kolej Kediaman UNISSA yang bertujuan untuk menanam dan memupuk semangat kerjasama secara berpasukan. Selain dihasratkan agar setiap individu menjadi lebih peka dengan tanggungjawab masing-masing terhadap persekitaran dan kebersihan amnya.



### Taklimat Kebakaran


Pada tahun 2011, Taklimat Mencegah Kebakaran diadakan kepada penghuni kolej kediaman UNISSA untuk memberikan pengetahuan tentang cara menghadapi kejadian kebakaran seperti cara menggunakan alat pemadam api dan 'exit plan' jika berlakunya kebakaran.



## UNIT KEAGAMAAN DAN TAKMIR SURAU

Seorang Penyelaras Aktiviti Keagamaan akan dilantik setiap tahun daripada kalangan pensyarah untuk mengendalikan unit ini dan mengurus aktiviti-aktiviti keagamaan serta bertanggungjawab mentakmir Surau UNISSA.

Majlis-majlis sambutan bersempena Hari-Hari Kebesaran Islam merupakan antara acara tahunan yang terpenting yang dikendalikan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar UNISSA sama ada sambutan di peringkat Negara atau UNISSA.




Tadarus al-Qur'an sempena bulan Ramadhan




Taklimat halaqah Khatam al-Qur'an bagi bakal graduan UNISSA



Forum sempena Sambutan Memperingati Peristiwa Isra' dan Mi'raj




Sambutan sempena memperingati Nuzul al-Qur'an tahun 2009 diselajurkan dengan pelancaran Buku Plan Strategik UNISSA



Majlis Dikir 12 malam berturut-turut sempena Maulud Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam di masjid-masjid




Forum sempena Sambutan Awal Tahun Hijrah



Ibadah Korban dan Aqiqah sempena Hari Raya Aidiladha



Dikir 12 malam berturut-turut sempena Maulud Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam di Surau UNISSA



Solat dan Doa Hajat sebelum menghadapi peperiksaan akhir setiap semester

## Mukasurat 8

Majlis-majlis keagamaan yang dikendalikan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar UNISSA

### Program "Minal Jam'iah Ihal Masjid" tahun 2009-2012




Masjid Kampong Mentiri, tahun 2012



Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong, tahun 2008 dan 2011



Membersihkan tanah perkuburan




Membersihkan kawasan masjid

Masjid Setia Ali, Pekan Muara, tahun 2010

Majlis-majlis keagamaan yang dikendalikan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar UNISSA

**Program “Ziarah Ramadhan” tahun 2013-2014**



Masjid Kampong Tamoi, tahun 2013



Penyampaian derma kepada anak-anak yatim




Masjid Sufri Bolkiah Berakas, tahun 2014

## UNIT PERKHIDMATAN KAUNSILING DAN BIMBINGAN KERJAYA



Bengkel Kerjaya dan Resume untuk pelajar tahun akhir sesi pengajian 2011/2012



Taklimat kerjaya "Temuduga" bagi pelajar tahun akhir sesi pengajian 2012/2013



Taklimat kerjaya bagi Sesi Perkongsian Pengalaman Alumni UNISSA dengan pelajar tahun akhir sesi pengajian 2013/2014

Unit Perkhidmatan Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya merupakan antara tunggak terpenting dalam sejarah pengurusan Bahagian HEP.

Ia menawarkan khidmat mesra dan profesional di dalam membantu para pelajar meningkatkan kecemerlangan diri, sahsiah dan kerjaya masa hadapan.

Selain itu, ia juga berperanan membantu pelajar di dalam aspek merangkumi penyesuaian diri di kampus, pengurusan akademik dan pembelajaran hingga kepada permasalahan psikologi yang lebih kompleks.

Unit ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Perkhidmatan Kaunseling dan Perkhidmatan Bimbingan Kerjaya.

### Perkhidmatan Kaunseling

- Perkhidmatan kaunseling disediakan bagi membantu pelajar yang mempunyai masalah peribadi, akademik, disiplin dan kerjaya.
- Pelajar-pelajar yang memperolehi pencapaian akademik yang tidak memuaskan juga akan dihantar ke unit ini untuk diberikan kaunseling.

### Perkhidmatan Bimbingan Kerjaya

- Perkhidmatan bimbingan kerjaya diwujudkan bagi membantu pelajar merancang kerjaya pada masa hadapan dan langkah-langkah yang perlu diambil selepas bergelar graduan.

Unit ini juga akan bertanggungjawab untuk menganjurkan bengkel mahupun aktiviti yang menjurus kepada pemantapan 'soft skill' sebagai persiapan pelajar sebelum melangkah ke alam pekerjaan.



Taklimat motivasi sempena Minggu Ta'aruf pelajar-pelajar baru oleh Pegawai Kaunselor UNISSA

# UNIT KESEJAHTERAAN DAN ALUMNI

Unit Kesejahteraan Mahasiswa dan Alumni diketuai oleh Pegawai Kesejahteraan Mahasiswa bagi memantau kesejahteraan pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa.

Antara tanggungjawab unit ini ialah:

- Mengawasi pelbagai aspek kesejahteraan pelajar tempatan dan luar negara.
- Mengurus pembayaran eluan dan lain-lain kemudahan pelajar.
- Mengurus keperluan pelajar dari kalangan kakitangan kerajaan di bawah skim latihan dalam perkhidmatan (LDP).
- Menjadi penasihat dalam pengurusan kewangan Persatuan Pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (PPUNISSA) dan bekerjasama dengan pihak Kewangan UNISSA.
- Menguatkuasakan disiplin pelajar.
- Menjadi penghubung antara pelajar-pelajar luar negeri dengan Pegawai-pegawai Universiti Islam Sultan Sharif Ali, jabatan-jabatan/ Kementerian-Kementerian/ agensi-agensi dalam dan luar negeri yang berkenaan.
- Menyelaras aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh Persatuan Alumni UNISSA.
- Menjadi penghubung antara UNISSA dengan bekas pelajar-pelajar UNISSA.

## MAJLIS PENGHARGAAN PELAJAR

Majlis ini khusus diadakan bagi para pelajar UNISSA yang telah berjaya meraih kejayaan dalam beberapa pertandingan kebangsaan mahupun antarabangsa. Ia telah diadakan buat pertama kalinya pada tahun 2011 berikutan kejayaan yang diraih oleh pelajar UNISSA di dalam Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM 2011) Piala Perdana Menteri Malaysia, Pertandingan Forum Hijrah anjuran Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Pertandingan Pidato sempena 25 tahun penubuhan Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Majlis penghargaan ini merupakan aktiviti berkala dan hanya diadakan apabila pelajar-pelajar UNISSA berjaya meraih kejayaan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Sehingga ke hari ini, majlis ini turut diadakan dari semasa ke semasa. Antara lain tujuan majlis ini diadakan adalah bagi menggalakkan pelajar UNISSA untuk bergiat aktif dalam menyertai sebarang pertandingan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa sama ada yang berkaitan dengan bidang akademik, yang bukan akademik mahupun sukan selagi ianya tidak bertentangan dengan prinsip UNISSA sebagai sebuah universiti Islam. Selain itu ia adalah untuk mendorong pelajar UNISSA supaya benar-benar komited dalam apa jua pertandingan yang disertai demi mencapai kejayaan serta sebagai penguat semangat kepada pelajar UNISSA yang mempunyai bakat dan kebolehan tetapi kurang keyakinan diri agar tidak malu dan gentar untuk menampilkan diri dalam menyertai mana-mana pertandingan.



Majlis Penghargaan Pelajar tahun 2011



# UNIT KEGIATAN LUAR

Unit ini diketuai oleh seorang Pegawai Kegiatan Luar bagi merancang dan memantau aktiviti-aktiviti dalam dan luar universiti.

## THE 45<sup>TH</sup> YOUTH IN COMMUNITY ACTION (YICA) 2-13 OGOS 2010, REPUBLIK KOREA

Ke arah memantapkan lagi daya intelektual pelajar-pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), seramai 8 orang pelajar dan seorang pegawai pengiring UNISSA, Dayang Hajah Nur Annisa binti Haji Sarbini telah berlepas hari ini ke Seoul, Korea Selatan bagi menghadiri forum "The 2010 Asian Law Student's Association's (ALSA)". Program yang diadakan selama sepuluh hari ini akan berakhir pada 09 Ogos 2010. Sebagai pelajar Undang-Undang, mereka adalah digalakkan menyertai forum ini sebagai wadah untuk pelajar-pelajar Undang-Undang Asia berinteraksi dan menjalinkan jaringan serantau profesion perundungan masa depan. Pelajar Undang-Undang UNISSA adalah ahli-ahli dalam persatuan ALSA ini. Diantara aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan di Korea nanti ialah perbincangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan Integrasi Ekonomi, Undang-Undang Perdagangan Antarabangsa, Perdagangan Bebas dan Timbangtara.



Sementara itu, Awang Muhammad Azhar bin Haji Abdul Aziz, pelajar tahun 2 sesi akademik 2010/2011 juga berlepas pada hari ini ke Seoul, Korea Selatan bagi menyertai The 45<sup>th</sup> Youth in Community Action (YiCA) anjuran Korean National Commission for UNESCO. Program yang membawa tema "Youth Working Together for Sustainable Communities" diadakan selama 12 hari dan disertai oleh belia-belia antarabangsa.

Hadir mengucapkan selamat baylor kepada pelajar-pelajar berkenaan Dayang Surianah binti Haji Alias, Timbalan Pendaftar UNISSA dan Kujaimah@Hannan binti Haji Abdul Kahar, Timbalan Dekan Pelajar, UNISSA.

## THE BSP UBD GREEN DEBATE

BSP UBD Green Debate merupakan pertandingan debat tahunan mengenai alam sekitar yang dibukakan kepada institusi-institusi pengajian tinggi dan pusat-pusat tingkatan enam di Negara Brunei Darussalam.

Debat ini dianjurkan bersama oleh Syarikat Brunei Shell Petroleum (BSP) dan Universiti Brunei Darussalam (UBD).



Mahasiswa UNISSA berjaya menyandang juara dalam kategori Institusi Pengajian Tinggi dan Pendebat Terbaik tahun 2011



**INTERNATIONAL MUSLIM YOUTH CAMP (IMYC)**  
**26 APRIL - 2 MEI 2009**  
**UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA**



Perkhemahan Belia Islam Antarabangsa Malaysia atau International Muslim Youth Camp 2009 merupakan program yang dianjurkan oleh UIAM dalam usaha merapatkan hubungan dan mewujudkan suatu interaksi yang baik antara pelajar tempatan dan juga antarabangsa. Mewakili UNISSA ialah Awang Haji Mohd Syazwan Nizar bin Haji Md Zain, Awang Abd Aziz bin Haji Abd Rahman dan Dayangku Siti Zamriah binti Pengiran Ibrahim.



Program ini diisi dengan pelbagai aktiviti antaranya perbincangan isu-isu semasa seperti isu Ekonomi, Sosial, Pendidikan, Perundangan, Syariah Islam dan sebagainya bertujuan untuk membuka minda setiap peserta untuk lebih arif dan *updated* dalam memahami dan mendasari sesuatu isu untuk diketengahkan melalui perbincangan dan pembentangan. Melalui aktiviti ini juga setiap kumpulan akan diadili dan diberi komen oleh pensyarah.



## PIDATO ANTARABANGSA BAHASA MELAYU (PABM) PIALA PERDANA MENTERI MALAYSIA

Bertemakan "Pengantarabangsa Bahasa Melayu", PABM adalah satu acara tahunan pidato Bahasa Melayu yang terulung yang bermatlamat untuk memartabatkan citra dan kedaulatan bahasa Melayu di persada dunia. PABM yang dianjurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan; Kementerian Pelancongan Malaysia antara lain bertujuan memperkuuhkan kedudukan dan martabat Bahasa Melayu di peringkat antarabangsa.

Bahagian Hal Ehwal Pelajar mula menghantar pelajar buat julung-julung kalinya ke pertandingan ini pada tahun 2010. Alhamdulillah, pelajar UNISSA mula mendapat perhatian sejak tahun 2011 dan mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam apabila buat kali pertama telah berjaya mendapat tempat selaku Naib Johan di dalam pertandingan PABM dalam tempoh lima tahun di dalam kategori Nusantara. Sejak daripada itu, pihak UNISSA tidak ketinggalan menerima jemputan daripada pihak pengajur untuk menyertai PABM berkenaan setiap tahun.



Awang Haji Abd Rashid Bin Awang Haji Damit  
Naib Johan PABM 2011



Adi Aismat bin Lamat  
Wakil UNISSA PABM 2010  
dan  
Pemenang Tempat Ketiga  
PABM 2013



Dayangku Hajah Mumtazah  
binti Pengiran Haji Md Jaafar  
Naib Johan  
PABM 2012



Sheikh Husrin Jairul Azry  
bin Sheikh Hassan  
Wakil UNISSA  
PABM 2014

## OIC DEBATING CHAMPIONSHIP

Pertandingan yang dianjurkan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ini diadakan bagi mencari pembahasan terbaik dalam kalangan mahasiswa/i universiti disamping memberikan mereka peluang untuk berkongsi pengalaman dan kemahiran antara satu sama lain. Kejohanan ini juga turut menawarkan perdebatan sebagai cara untuk mempromosikan budaya intelektual, kecemerlangan akademik dan mempertingkatkan persembahan serta pemikiran kritis setiap peserta.

Penyertaan ke kejohanan ini lazimnya dipenuhi atas dasar undangan yang diterima.

Bahagian Hal Ehwal Pelajar mula menyertai pertandingan debat dalam bahasa inggeris ini sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2010 dengan menghantar dua orang mahasiswa dan dua orang mahasiswi. Pada tahun 2012, Bahagian Hal Ehwal Pelajar sekali lagi menghantar empat orang mahasiswi untuk menyertai pertandingan yang sama.

Gambar daripada Penyertaan bagi tahun 2012



## FESTIVAL KESENIAN ISLAM

UNISSA menyertai Festival Kesenian Islam buat julung-julung kalinya pada tahun 2013 di peringkat Borneo yang telah diadakan di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Sarawak, mulai 26 hingga 28 September 2013. Dalam festival berkenaan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah menghantar seramai 14 orang pelajar iaitu 2 peserta bagi mengikuti pertandingan Syarahan Agama, 2 peserta bagi pertandingan Hafazan dan 10 orang bagi pertandingan nasyid dimana UNISSA telah berjaya memenangi tempat pertama dalam Pertandingan Nasyid dan Hafazan Al-Quran bagi kategori perempuan. UNISSA juga memenangi tempat kedua dalam Hafazan bagi kategori lelaki. Kemenangan turut dilengkapi dengan kejayaan wakil UNISSA apabila berhasil dinobatkan sebagai solo terbaik.

Kejayaan UNISSA secara tidak langsung telah mengangkat nama Negara Brunei Darussalam amnya dan nama UNISSA khasnya di dalam Persada Seni Islam Peringkat Borneo. Dengan kejayaan ini diharapkan akan dapat memberikan inspirasi kepada para belia di luar sana khususnya di tanah air untuk turut serta bergiat aktif di dalam pelbagai Arena Kesenian Islam pada masa-masa akan datang, selaras dengan aspirasi dan imej Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.



Pertandingan syarahan agama



Peserta pertandingan nasyid



Hafazan Al-Quran



## PESTA SUKAN KEBANGSAAN

Universiti Islam Sultan Sharif Ali melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar buat julung-julung kalinya menyertai kontinjen Institusi Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan bagi menyertai Pesta Sukan Kebangsaan pada tahun 2010 anjuran Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dimana UNISSA telah diamanahkan oleh Kementerian Pendidikan pada ketika itu untuk mengurus dan memantau persiapan kontinjen berkenaan bagi enam jenis sukan iaitu Badminton, Bola Sepak, Tarik Kalat, Pencak Silat, Sepak Takraw dan Tenpin Bowling. Pada tahun 2012, UNISSA sekali lagi menyertai PSK ini dan menyelaras sukan Tenpin Bowling dan Tarik Kalat.



Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam 2012



Pesta Sukan Remaja 2011

## PESTA SUKAN REMAJA

Pesta Sukan Remaja (PSR) kelolaan Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mula diperkenalkan oleh JBS KKBS sejak tahun 2002 dan ia diadakan setiap dua tahun. Buat pertama kalinya pada tahun 2011, pihak pengajur telah mempelawa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) iaitu UBD, UNISSA, ITB dan KUPUSB untuk sama-sama menyertai pesta sukan tersebut. UNISSA melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar bersama-sama IPT NBD lainnya telah bergabung di bawah kontinjen IPT dalam menyertai PSR pada tahun tersebut dengan menurunkan seramai 20 orang pemain bolasepak yang berumur di bawah 21 tahun mengikut syarat yang dikenakan oleh pengajur.

## PESTA SUKAN IPT

Pesta Sukan Institusi Pengajian Tinggi (PSIPT) diperkenalkan oleh Bahagian Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan. Ia merupakan satu inisiatif Bahagian Pengajian Tinggi sebagai langkah awal untuk mewujudkan asas yang kukuh ke arah perancangan aktiviti-aktiviti kokurikulum yang lebih besar di masa akan datang. PSIPT kali pertama ini dianjurkan oleh Bahagian Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan dan dikelolakan bersama Institut Teknologi Brunei (ITB) pada bulan Jun 2012 . Dalam PSIPT tersebut, Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah menghantar para pelajar untuk menyertai perlawanan Bola Jaring, Bola Sepak dan Futsal.



Pesta Sukan IPT 2012

## SUKAN-SUKAN JEMPUTAN

Bahagian Hal Ehwal Pelajar tidak ketinggalan menerima undangan untuk menyertai sukan-sukan yang dianjurkan dalam dan luar negeri antaranya Pertandingan Bola Jaring, Badminton, Pencak Silat dan sebagainya.



BIBD UNICUP 2013


## SUKAN TAHUNAN DAN HARI USRAH



Kejohanan Sukan Tahunan UNISSA dan Hari Usrah adalah salah satu aktiviti tahunan yang dikendalikan oleh Ahli-Ahli Majlis Perwakilan Pelajar, Persatuan Pelajar UNISSA dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar sebagai salah satu wadah mengintensifkan kegiatan ko-kurikulum pelajar untuk melahirkan individu yang aktif dalam akademik dan sukan serta sihat fizikal dan mental. Ia juga merupakan antara wadah mengintegrasikan warga UNISSA ke arah pendedahan berinteraksi serta bertukar-tukar fikiran di dalam melahirkan warga UNISSA yang berpotensi dan menyerlah dalam bidang akademik dan kegiatan luar selain memupuk satu budaya masyarakat kampus yang berkualiti, cergas dan sihat serta mewujudkan semangat daya saing yang sihat.



Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi Jemputan, tahun 2008



Kejohanan sukan tahunan dan hari Usrah tahun 2009

Piala Pusingan Rektor UNISSA  
(Untuk Juara Keseluruhan  
Sukan UNISSA dan Hari Usrah)




Kejohanan sukan tahunan dan hari Usrah tahun 2010



Kejohanan sukan tahunan dan hari Usrah tahun 2011


**Mukasurat 20**



Kejohanan sukan tahunan dan hari Usrah tahun 2011



Kejohanan sukan tahunan dan hari Usrah tahun 2012



Kejohanan sukan tahunan dan hari Usrah tahun 2013



Kejohanan sukan tahunan dan hari Usrah tahun 2014